

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

TINDAKAN TEGAS AKAN DIKENAKAN KE ATAS MANA-MANA PENIAGA YANG MENGAMBIL KESEMPATAN MENAIKKAN HARGA SECARA TIDAK MUNASABAH

1. Saya merujuk kepada aduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berkenaan kenaikan harga sayuran baru-baru ini. Kementerian melalui pegawai-pegawai Pemantau Harga (PPH) sudah maklum mengenai *trend* kenaikan dan mempunyai senarai premis secara terperinci.
2. Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian telah diarahkan untuk memberi Notis 21 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 kepada premis-premis tersebut bagi mendapatkan penjelasan mengenai punca kenaikan.
3. Sekiranya didapati terdapat peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak munasabah sempena Tahun Baru Cina, tindakan tegas akan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011.
4. Juga ingin diingatkan bahawa Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2020 akan mula berkuatkuasa dari **20 Januari 2020 sehingga 2 Februari 2020**.
5. Di bawah SHMMP Tahun Baru Cina, harga maksimum ditetapkan bagi 16 barangan keperluan utama. Senarai penuh boleh didapati di : <http://bit.ly/SHMMPCNY2020>
6. 2,300 lebih pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian akan aktif memantau semua premis peniagaan bagi memastikan kepatuhan dengan SHMMP Tahun Baru Cina 2020 dan tidak berlaku pencatutan.

7. Para pengguna juga boleh menyumbang kepada usaha ini dengan melaporkan kepada Kementerian melalui mana-mana 9 saluran aduan termasuk saluran WhatsApp di talian 019-2794317.
8. Kementerian tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang melakukan pencatutan atau tidak patuh dengan SHMMP Tahun Baru Cina 2020 dan rampasan serta tindakan tegas dalam bentuk denda dan/atau penjara akan dikenakan.

Sekian Terima Kasih.

**YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

